

05/06/2002

Tiada pinjaman penuh (HL)

Misiah Taib; Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Halim Yusoff
PUTRAJAYA, Selasa - Ibu bapa pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) perlu mencari sumber lain bagi menampung kos pendidikan anak mereka kerana kerajaan tidak dapat memberikan pinjaman 100 peratus.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak berupaya memberikan pinjaman 100 peratus kepada pelajar Bumiputera di IPTS kerana peruntukan yang ada tidak membolehkannya berbuat demikian.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta ibu bapa pelajar terbabit berkorban sedikit dengan mengeluarkan wang sendiri atau mencari pinjaman daripada punca lain, bukannya menyerah sepenuhnya kepada kerajaan.

"Kita dikatakan memberi pinjaman setakat RM5,000 sedangkan perbelanjaan mereka setahun ialah RM9,000. Kita tak dapat bagi pinjaman sepenuhnya 100 peratus kepada mereka.

"Kalau kita bagi pinjaman RM9,000, maka separuh daripada mereka mungkin tidak dapat langsung (pinjaman). Kalau kita bagi RM5,000, lebih ramai yang akan dapat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Dialog Belanjawan 2003 di pejabatnya, petang ini.

Beliau diminta mengulas laporan mengenai kemungkinan 30 IPTS milik Bumiputera gulung tikar dalam tempoh terdekat ini, berikutan masalah kewangan yang dihadapi institusi berkenaan.

Masalah itu dikatakan berlaku berikutan sebahagian besar pelajar Bumiputera menolak tawaran kemasukan ke IPTS berkenaan bagi sesi ini kerana tidak mampu membiayai kos sara hidup yang tinggi.

Sejak dilancarkan empat tahun lalu, kerajaan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memberi pinjaman kepada lebih 400,000 pelajar Bumiputera termasuk pelajar IPTS membabitkan RM3.1 bilion.

Bagi tahun ini saja, PTPTN memperuntukkan lebih RM1 bilion bagi membiayai 125,000 pelajar Bumiputera di IPT.

Ada 120 IPTS di seluruh negara dengan kira-kira 60,000 pelajar Bumiputera dan daripada jumlah itu 20,000 pelajar mendapat tajaan pelbagai pihak termasuk PTPTN.

Dr Mahathir berkata, bantuan yang diberikan kerajaan sekarang adalah sebagai pinjaman mudah kepada pelajar Bumiputera terbabit.

Bagaimanapun, katanya, sebanyak mana pun yang diberikan kerajaan tidak akan cukup dan kerana itu, ibu bapa perlu berusaha mencari sumber lain bagi menampung kekurangan.

Ditanya apakah kerajaan akan mencari cara lain untuk membantu menyelamatkan 30 IPTS terbabit, Perdana Menteri berkata kerajaan sudah melakukan pelbagai cara untuk mengatasi masalah itu.

"Dulu tak ada langsung peruntukan ini (PTPTN) dan kita telah adakan. Sekarang ni nak kata adakah cara lain lagi. Apa nak buat lagi. Kita nak tolong seberapa yang boleh," katanya.

(END)